



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEMBAYARAN FASA 4 SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2025 DIAWALKAN
MULAI 18 OKTOBER 2025**

8.8 juta penerima akan menerima bayaran Fasa 4 Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2025 bermula 18 Oktober 2025 — lebih awal daripada jadual asal pada pertengahan November 2025 sebelum perayaan Deepavali.

Bagi fasa ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion, dengan kadar bayaran sehingga RM700 yang ditetapkan mengikut kategori. Jumlah ini termasuk **200,000 pemohon baharu yang telah diluluskan bayaran Fasa 4 STR, yang mana penyaluran akan dibuat mulai 13 November 2025.**

Berbanding Fasa 1 pada Januari 2025, jumlah penerima Fasa 4 meningkat sebanyak 500,000 individu dan isi rumah — daripada 8.3 juta — susulan keputusan Kerajaan MADANI untuk membuka permohonan baharu dan rayuan sepanjang tahun.

“Tekad Kerajaan MADANI adalah untuk memastikan bantuan yang melibatkan agihan limpahan negara ini dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan rakyat Malaysia. Diharapkan penyaluran Fasa 4 STR 2025 ini sedikit sebanyak dapat memberi kelegaan kewangan menjelang sambutan Deepavali,” kata YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Kerajaan MADANI akan **terus membuka pendaftaran STR dan SARA 2026 sepanjang tahun** agar lebih ramai rakyat berpeluang mendapat manfaat daripada bantuan Kerajaan. Seperti diumumkan oleh YAB Dato’ Seri Anwar ketika pembentangan Belanjawan MADANI Keempat pada 10 Oktober 2025, peruntukan keseluruhan STR dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) mencecah RM15 bilion bagi tahun 2026.

Bagi penerima sedia ada, **data mereka akan dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data Kerajaan bersama data daripada agensi-agensi berkaitan** untuk semakan kelayakan STR dan SARA 2026 mengikut syarat yang ditetapkan. Pendekatan ini turut mengurangkan risiko keciciran dan memastikan bantuan terus sampai kepada golongan sasaran.

Pemohon STR boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) di Portal Rasmi STR melalui pautan <https://bantuan tunai.hasil.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut. Semakan status pembayaran dan kelulusan STR boleh dibuat melalui pautan yang sama.

Kementerian Kewangan (MOF) turut mengingatkan penerima STR agar sentiasa berwaspada terhadap pautan tidak sah dan cubaan penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi mendapatkan maklumat berkaitan program STR. Sebagai perlindungan daripada kes penipuan (*scam*), pihak MOF tidak pernah meminta maklumat peribadi melalui SMS atau WhatsApp.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

17 Oktober 2025

Lampiran

1. Pembayaran STR Fasa 4 akan disalurkan secara berperingkat:

Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran	
	Penerima Sedia Ada	Penerima Baharu dan Rayuan
Mempunyai akaun bank - Dikreditkan terus ke dalam akaun bank	18 – 24 Oktober 2025	13 November 2025
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan) - Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional	Mulai 21 Oktober 2025	

2. Pembayaran STR Fasa 4 mengikut kategori kelayakan masing-masing:

Kategori Penerima	Jumlah Penerima	Kadar Bayaran	Implikasi Kewangan (RM)
Isi Rumah ($\leq$ RM2,500)	3.1 juta	RM200 – RM700	1.1 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	1.0 juta	RM100 - RM350	0.2 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	1.3 juta	RM150	0.2 bilion
Bujang	3.4 juta	RM150	0.5 bilion
JUMLAH	8.8 juta	-	RM2.0 bilion

3. Jadual Permohonan STR 2026 – Sepanjang Tahun:

Cara Permohonan	Tarikh Permohonan	Kaedah Permohonan
Secara dalam talian	Mulai 13 Oktober 2025	Melalui https://bantuantunai.hasil.gov.my
Secara manual / fizikal		Hadir ke : • Pejabat LHDNM; atau • Pejabat Satelit (PS) LHDNM; atau • Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM; atau • Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM dengan mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan STR 2026.

4. Senarai data daripada beberapa agensi Kerajaan lain yang dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data Kerajaan untuk disemak kelayakan STR 2026 mengikut syarat yang ditetapkan:

- Data eKasih, ICU, JPM;
- Data penerima bantuan JKM;
- Data penghuni Perumahan Awam/Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL, JWP dan KPKT;
- Data Orang Asli JAKOA;
- Data gelandangan berdaftar dengan KPWKM dan DBKL;
- Data individu berdaftar dengan Skim Insurans Pekerjaan PERKESO; dan
- Data penerima zakat atau baitulmal negeri